



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	23/9/2011

Calon 'payung terjun' masih relevan: Dr M

KUALA SELANGOR: Tun Dr Mahathir Mohamad berpendapat amalan memilih calon 'payung terjun' perlu dikekalkan dan ia masih dianggap relevan untuk diamalkan dalam suasana politik sekarang.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini kerana calon 'payung terjun' yang banyak pengalaman dan memiliki kebolehan tersendiri mampu membantu pemerintah mentadbir kerajaan dengan lebih baik.

"Pemilihan calon 'payung terjun' ini perlu dikekalkan kerana ada antara mereka mampu membantu pemerintah mentadbir dengan baik.

"Sebagai contoh, ketika saya menjadi Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin (bekas Menteri Kewangan) diangkat sebagai calon 'pa-

yun' kerana kita sedar kemampuannya," katanya ketika menyampaikan ceramah mengenai Peranan dan Cabaran Terkini Wakil Rakyat di Dewan UMNO Bahagian Kuala Selangor di sini, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Nadzri Ismail dan pengerusi majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram yang juga Ketua UMNO bahagian Kuala Selangor, Datuk Amiruddin Setro.

Mahathir yang juga bekas Pengerusi BN berkata, oleh kerana itulah Datuk Seri Idris Jala dilantik sebagai menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri walaupun beliau bukan ahli politik.

"Kerajaan mungkin melihat Idris mempunyai kebolehan yang mam-

pu membantu mereka dalam membangunkan negara," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pemilihan calon 'payung terjun' itu tidak boleh diamalkan selalu kerana ia boleh memberi impak negatif kepada kerajaan.

"Walaupun kita perlu menerima pemilihan calon begini, ia tidak boleh diamalkan terlalu kerap," katanya.

Dalam pada itu, Mahathir berkata, ramai berpendapat seseorang calon itu sebagai yang boleh menang, tetapi yang dipilih Perdana Menteri, Najib Razak bukan calon boleh menang dan pemikiran begini perlu dikikis awal-awal lagi.

Berikutan itu, katanya, adalah menjadi tanggungjawab wakil rakyat sekarang untuk bersedia tidak dipilih menjadi calon.

"Pemikiran kita terlalu sangat tertumpu kepada nikmat yang kita dapat. Wakil rakyat itu memikirkan apa dia dapat. Kenapa nak tambah pendapatan? Jadi, wakil rakyat kenapa belanja banyak sebab penyokong kita nak duit.

"Nak belanja sampai bila tak pernah cukup. Kalau kita nak jadi popular, nak beli orang, banyak mana duit pun tak cukup. Kita bagi 100, dia bagi 200, kita bagi 300, dia bagi 400.

"Rupa-rupa nak bagi duit nak beli undi, maka dalam proses itu akan menjadikan masyarakat kita masyarakat korup.

"Kalau kita dapati calon semacam ini maka masyarakat akan pandang buruk kepada UMNO dan parti komponen lain. Dapat tempat kerana duit, betul tak betul, saya tak berani cakaplah," katanya.